



## **KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

### **KENYATAAN AKHBAR YB. MENTERI KERJA RAYA PEMBUKAAN SEBAHAGIAN JAJARAN LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2 (LPT 2) DARI PERSIMPANGAN BUKIT BESI KE PERSIMPANGAN PAKA**

Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184km merupakan projek pembangunan mega di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 yang telah menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat setempat dan negara ke arah mencapai status negara maju menjelang Tahun 2020.

Pada 22 Ogos 2011, Kerajaan telah membuka sebahagian jajaran LPT2 kepada laluan awam sepanjang 70 km dari Pakej 12 - Kg. Gemuruh di Kuala Terengganu hingga Pakej 10 di Persimpangan Bukit Besi. Pembukaan ini telah memberi kemudahan penjimatan tenaga, kos dan masa perjalanan kepada pengguna lebuhraya tersebut.

Ke arah 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' dan bersempena dengan Perayaan Tahun Baru Cina yang akan diraikan pada 31 Januari 2014, Kerajaan telah memutuskan untuk membuka sebahagian lagi jajaran LPT2 kepada laluan awam dari Pakej 10 hingga ke sebahagian Pakej 7 (7C) iaitu dari Persimpangan Bukit Besi ke Persimpangan Paka sepanjang 34km mulai 25 Januari 2014.

Pada masa yang sama, Kerajaan komited untuk mempercepatkan pembukaan beberapa jajaran LPT2 yang masih dalam peringkat pembinaan dan dijangka dapat disiapkan secara berperingkat-peringkat sebelum September 2014.

Insyah' Allah, dengan adanya pembukaan keseluruhan jajaran LPT2 ini, rakyat dapat menikmati kemakmuran dan kemajuan infrastruktur yang telah dirancang oleh Kerajaan Malaysia.

Sekian, terima kasih

**YB. DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA**

**25 JANUARI 2014**